

Bayaran pencen asal tak babit amaun tambahan

Jumlah RM1.3b sudah dimasuk dalam peruntukan kerajaan

mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Pencen dan pencen terbitan untuk pesara kerajaan bagi Julai hingga Disember 2023 dibayar menggunakan amaun pencen asal, membabitkan implikasi kewangan RM1.3 bilion.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata jumlah itu sudah dimasukkan dalam peruntukan kewangan kerajaan dan tidak membabitkan amaun tambahan, sebaliknya dengan elaun khas, iaitu elaun MADANI supaya tidak merugikan pesara.

“Apa yang dijanjikan kerajaan, maka kita bayar elaun MADANI, pertimbangan atas khidmat mereka sebagai penjawat awam dahulu,” katanya selepas Program Cakna MADANI Perdana Menteri Bersama Agensi Penguatkuasaan, di sini semalam.

Kelmarin, Anwar menerusi kenyataan, memaklumkan Jemaah Menteri memutuskan pencen dan pencen terbitan untuk pesara kerajaan bagi Julai hingga Disember 2023 dibayar menggunakan amaun pencen asal.

Ia selaras keputusan Mahkamah Persekutuan pada 27 Jun lalu bahawa Seksyen 3 dan 7 Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2013 (Akta A1447) adalah tidak sah dan undang-undang



Anwar menyampaikan ucapan pada Program Cakna MADANI Perdana Menteri Bersama Agensi Penguatkuasaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.
(Foto Hairul Anwar Rahim/BH)

sebelum pindaan adalah terpakai dengan sendirinya bagi tujuan penyelarasan pencen.

Terdahulu dalam ucapannya, Anwar memaklumkan, beliau akan memperkerusi mesyuarat pertama bagi mengkaji keseluruhan skim perkhidmatan dan saraan penjawat awam dalam tempoh satu atau dua minggu lagi.

Mengkui kadar upah dan elaun penjawat awam ketika ini masih terlalu rendah, Perdana Menteri berkata, belum ada jawatankuasa khusus dipengerusiakan pemimpin tertinggi negara bagi tujuan berkenaan.

“Saya mengkui (upah, elaun

penjawat awam masih terlalu rendah) dan selepas lebih 10 tahun, belum ada pun jawatankuasa yang harus dipengerusiakan Perdana Menteri untuk mengkaji semula skim saraan penjawat awam.

“Jadi, insya-Allah dalam satu atau dua minggu ini, saya akan memperkerusi mesyuarat pertama bersama Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk meneliti keseluruhan skim perkhidmatan dan saraan penjawat awam,” katanya.

Beliau turut mencadangkan sebarang peningkatan terhadap skim terbabit dibuat secara berperingkat dengan melihat kepada kupayaan kewangan negara.

“Jadi saya nak saudara yakin di bawah (pimpinan) Anwar di sini, saya beri jaminan apa sahaja yang munasabah dan adil kepada penjawat awam (akan dilaksanakan),” katanya.

Selain itu, Perdana Menteri mencadangkan insentif kepada agensi-agensi yang berjaya mencapai kutipan hasil melebihi sasaran dan menyarankan ia diberi dalam bentuk peralatan, kelengkapan serta kemudahan yang diperlukan bagi memastikan agensi dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan.

Dalam perkembangan berasingan, Anwar berkata, beliau akan bertemu Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tesla, Elon Musk, hari ini.